

Suara bantahan



People's Alliance For Peace Malaysia • Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
(WARTAWAN UTUSAN)

UM 25 FEB 2003

"TERUSKANLAH perjuangan ini (menentang peperangan dan keganasan) kerana ia adalah perjuangan yang mulia."

Itulah kata-kata yang dilafazkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengakhiri ucapannya di hadapan hampir 200,000 rakyat Malaysia yang menghadiri Perhimpunan Keamanan Malaysia di Stadium Bukit Jalil, kelmarin.

Sekali lagi, tanpa rasa takut atau bimbang, rakyat Malaysia bangun menentang ketidakadilan yang cuba dilakukan oleh Barat melalui perhimpunan bersejarah di Bukit Jalil itu.

Ternyata sekali melalui jumlah yang hadir pada perhimpunan berkenaan matlamat Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) untuk menyampaikan mesej kepada dunia bahawa kita menentang sebarang bentuk keganasan dan peperangan sudah tercapai.

Sekalung tahniah kepada Aman Malaysia yang diketuai oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang telah berjaya dalam misi mereka untuk menyampaikan mesej itu.

Ini sekali gus membuktikan bahawa dalam usaha menegakkan keadilan dan keamanan sejagat, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau ideologi politik pasti akan bersatu.

Walaupun pada mulanya terdapat pihak-pihak yang melihat bahawa kewujudan Aman Malaysia mempunyai unsur politik berikutan ia dipelopori oleh Pergerakan Pemuda UMNO namun setelah melihat keikhlasan Hishammuddin dan rakan-rakannya 'pandangan serong itu' akhirnya diketepikan.

Kesudahannya, lebih 400 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menyertai Aman Malaysia manakala parti-parti pembangkang pula menyatakan sokongan mereka kepada pertubuhan tersebut.

Keikhlasan semua pihak semakin jelas apabila Kempen Sejuta Tandatangan menentang keganasan dan peperangan mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat Malaysia apabila lebih dua juta tandatangan berjaya dikumpulkan.

Tidak cukup dengan itu, perhimpunan di Bukit Jalil menjadi kemuncaknya apabila ia dihadiri oleh rakyat Malaysia dari seluruh pelosok tanah air.

Dengan membawa pelbagai sepanduk menentang ke-

ganasan dan peperangan, rakyat melaungkan slogan 'Kami Mahukan Keamanan'.

Apa yang lebih menarik, Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia ini diadakan ketika Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Ini memberi kesempatan terbaik kepada rakyat Malaysia untuk menunjukkan kepada negara-negara anggota NAM bahawa Malaysia bukan sahaja menentang keganasan dan peperangan tetapi akan berdiri bersama tanpa mengira kaum dan agama dalam berhadapan dengan isu yang menyentuh kepentingan sejagat.

Perhimpunan tersebut sekali gus meletakkan rakyat Malaysia sebaris dengan berjuta-juta lagi rakyat negara lain di dunia yang menentang usaha kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat (AS) untuk meragut kedamaian dan keamanan dunia melalui peperangan.

Atas sebab itulah Dr. Mahathir di perhimpunan itu secara lantang, tegas dan berani membidas AS yang dianggap cuba mengembalikan penjajahan mereka di dunia.